

ERL merintis hubungan dua ibu negara ASEAN — Dr. M

UM 14 APR 2002

Oleh
MARHAINI KAMARUDDIN

KUALA LUMPUR 13 April — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata, hasil kejayaan projek Express Rail Link (ERL) dijangka merintis hubungan kereta api laju antara dua ibu negara ASEAN iaitu Kuala Lumpur dan Singapura.

Katanya, kesemua infrastruktur strategik yang penting dan pada masa dulu mustahil, kini boleh diada-

kan dengan kejayaan ERL menghubungkan bandar raya Kuala Lumpur dengan Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang.

“Barangkali kita akan melihat dua ibu negara ASEAN dihubungkan dengan kereta api laju di antara Kuala Lumpur dan Singapura, atau barangkali di antara Johor Bahru dan Pulau Pinang.

“Kini landasan kereta api ke China sedang diusahakan,” katanya semasa pelancaran rasmi perkhidmatan kereta api Ekspres KLIA yang menelan belanja lebih

RM2.4 bilion dan Terminal Udara Kuala Lumpur (KL CAT), di Stesen KL Sentral di sini.

Dr. Mahathir berkata, dengan siapnya KL CAT, Malaysia kini sudah menghampiri matlamat Wawasan 2020 iaitu untuk menjadi negara maju sepenuhnya.

Menerusi rangkaian kereta api laju ERL, Dr. Mahathir berkata KLIA kini setaraf dengan mana-mana lapangan terbang moden dan maju lain seperti Heathrow di London dan Hong Kong yang mempunyai kemudahan daf-

tar masuk dalam bandar raya.

Katanya, dengan kelebihan saingan dan kemudahan-kemudahan bertaraf dunia itu, kerajaan berharap dapat menjadikan KLIA sebagai pusat tumpuan penerbangan serantau yang berjaya.

“Konsep lapangan terbang dalam bandar raya kini sudah menjadi kenyataan... Saya pasti Terminal Udara Bandar Kuala Lumpur akan menjadi mercutanda baru

■ Lihat muka 4

ERL merintis hubungan dua ibu negara ASEAN — Dr. M

untuk ibu negara di samping sebagai destinasi pelancongan baru,” katanya. Perkhidmatan ERL bermula dari 4.30 pagi dan diteruskan hingga 1 pagi hari berikutnya kecuali esok perkhidmatannya bermula 8 pagi. Kecepatan perkhidmatan ialah setiap 15 minit.

Tren yang berkelajuan maksimum 160 kilometer sejam &ma mengambil masa 28 minit untuk sampai ke KLIA dan tambang sehalu ialah RM35 seorang.

Dr. Mahathir menggesa pihak pengurusan ERL iaitu Express Rail Link Sdn. Bhd. (ERLSB) supaya terus memberi tumpuan kepada memasarkan Ekspres KLIA, perkhidmatan Transit KLIA dan KL CAT kepada rakyat tempatan dan antarabangsa.

Beliau berkata, ERLSB harus menyediakan perkhidmatan bertaraf dunia dengan memastikan keselamatan, keselesaan para penumpang dan kebolehnercayaan.

Dr. Mahathir juga menggalakkan orang ramai menggunakan perkhidmatan Ekspres KLIA kerana ia adalah cara yang paling pantas dan menjimatkan untuk pergi dan balik ke KLIA.

Mengenai faedah lain projek ERL,

beliau berkata, perkongsian antara ERLSB dan SIMENS dari Jerman dalam projek itu memastikan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi benar-benar dipindahkan kepada pekerja tempatan.

Katanya, teknologi dalam projek ERL adalah baru bagi Malaysia dan ia melahirkan ramai pekerja mahir dan berkemampuan mengurus dan mengendalikan teknologi kereta api kelajuan tinggi pada masa depan.

“Saya berharap semua projek Malaysia akan mencontohi ERL dalam menyediakan perkhidmatan bertaraf dunia, tetapi pada harga dunia ketiga,” katanya.

Dr. Mahathir meminta semua pihak memberi sokongan kepada projek itu sambil memuji pengurusan ERL kerana dapat menyiapkan projek itu dengan penuh profesional sebelum tamat jadualnya dan dalam lingkungan belanjawan yang ditetapkan.

“Anda telah bertungkus-lumus untuk menjadikan projek ini dari satu impian kepada kenyataan dan anda hendaklah terus memberikan komitmen dan dedikasi yang sama untuk memastikan kejayaan ERL pada masa depan,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, beliau ber-

harap semua projek Malaysia akan mencontohi ERL dalam menyediakan perkhidmatan bertaraf dunia, tetapi pada harga dunia ketiga.

KLIA di Sepang dibuka pada 29 Jun, 1998.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas itu, Perdana Menteri berkata, Kuala Lumpur memerlukan kerjasama Singapura sekiranya rancangan menghubungkan dua ibu negara ASEAN dengan kereta api laju hendak dilaksanakan.

“Kena ada sambutanlah, kalau hendak tepuk sebelah tangan tak berbunyi,” katanya.

Sementara itu, ditanya mengenai hasil pertemuan beliau dengan Menteri Pengangkutan yang juga Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik pagi ini, Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata:

“Saya tidak boleh mengulas apa-apa buat masa ini. Saya akan beritahu anda apabila tiba masanya.”

Mengenai pelan damai yang didakwa oleh Liong Sik dicadangkannya kepada MCA, Perdana Menteri menegaskan beliau sentiasa menyeru supaya diwujudkan perdamaian dan kestabilan dalam parti itu.